

Penguasaan Tarannum dalam Hafazan al-Quran di Kalangan Pelajar Tahfiz: Analisis Faktor Dalaman Dan Luaran

[Mastery of Qur'anic Tarannum in Qur'an Memorization among Tahfiz Students: An Analysis of Internal and External Factors]

Ahmad Junaidi Che Ariffin¹, Noor Fatimah Mujahid², Amrina Rasyada Kamaruzaman³ & Asraff Sanawi Ismail⁴

¹ (Corresponding Author) Faculty of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, E-mail: padi_ahmad@yahoo.com

² Faculty of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, E-mail: noorfatimahmujahid@gmail.com

³ Faculty of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, E-mail: amrina.rasyada93@gmail.com

⁴ Faculty of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, E-mail: asraffsanawi@gmail.com

ABSTRACT

This study aims to examine the mastery of tarannum in Quran memorization among tahfiz students by analysing the internal and external factors that influence its effectiveness. As an art of beautifying Quranic recitation, tarannum not only serves as a cognitive aid in strengthening memorization but also requires the mastery of technical elements such as voice control, breathing, and melodic patterns, which may affect the memorization process. This study employs a qualitative research design using semi-structured interviews and document analysis to explore the lived experiences of tahfiz students in integrating tarannum into their memorization practices. The findings reveal that internal factors, including motivation, consistency, and emotional stability, as well as external factors such as academic schedules, use of technology, learning environment, and social support, play significant roles in determining the effectiveness of Quran memorization through tarannum. The study concludes that effective mastery of tarannum requires structured training approaches, systematic time management, and sustained psychological and environmental support in order to strengthen the quality of Quran memorization among tahfiz students.

Keywords: *Tahfiz; Quran Memorization; Tarannum; Digital Islamic Education; Student Challenges*

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meneliti penguasaan tarannum dalam hafazan al-Quran pelajar tahfiz dengan memberi tumpuan kepada faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi keberkesanannya. Tarannum sebagai seni memperindah bacaan bukan sahaja berfungsi sebagai sokongan kepada daya ingatan, malah menuntut penguasaan aspek teknikal seperti kawalan suara, pernafasan dan irama yang boleh mempengaruhi proses hafazan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen bagi meneroka pengalaman sebenar pelajar tahfiz dalam menguasai tarannum semasa proses hafazan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor dalaman seperti motivasi, konsistensi dan kestabilan emosi, serta faktor luaran seperti jadual akademik, penggunaan teknologi, suasana persekitaran dan sokongan sosial memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan hafazan al-Quran melalui penguasaan tarannum. Kajian ini merumuskan bahawa penguasaan tarannum yang berkesan memerlukan pendekatan

latihan yang berstruktur, pengurusan masa yang sistematik, serta sokongan persekitaran dan psikologi yang berterusan bagi memperkukuh kualiti hafazan al-Quran pelajar tahfiz.

Kata kunci: Tahfiz; Hafazan al-Quran; Tarannum; Faktor Dalaman dan Luaran; Pendidikan Islam

How to Cite:

Received: 15-12-2025

Accepted: 21-12-2025

Published: 23-12-2025

Che Ariffin, A. J., Mujahid, N. F., Kamaruzaman, A. R., & Ismail, A. S. (2025). Penguasaan tarannum dalam hafazan al-Quran di kalangan pelajar tahfiz: Analisis faktor dalaman dan luaran. *FURQANICA Journal of Usuluddin and Al-Quran & Sunnah (JFUQS)*, 1(1), 41–54.

1. Pendahuluan

Tarannum merupakan satu cabang ilmu bacaan al-Quran yang berperanan memperindahkan suara dan menghidupkan penghayatan rohani. Seni tarannum bukan sahaja menambah keindahan bacaan, tetapi juga membantu pelajar tahfiz dalam proses hafazan kerana alunan lagu yang tersusun mampu merangsang daya ingatan dan mengekalkan hafalan lebih lama (Wan Hilmi & Mahyudin, 2018). Sheikh Mustafa Ismail misalnya telah meninggalkan khazanah bacaan al-Quran secara bertarannum yang menjadi rujukan utama para qari di seluruh dunia. Alunan lagu dan suara beliau terbukti mampu mendekatkan manusia kepada al-Quran (Khalid Isa, 2019). Dalam konteks pendidikan tahfiz, tarannum juga berfungsi sebagai alat motivasi kerana bacaan berlagu menimbulkan rasa tenang, fokus, dan minat mendalam terhadap hafazan. Kajian di Malaysia menunjukkan bahawa penguasaan tarannum dalam program Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) meningkatkan pencapaian murid dalam aspek tajwid dan hafazan (Abd Mubi et al., 2023). Oleh itu, kepentingan tarannum dalam hafazan bukan sekadar aspek teknikal bacaan, tetapi turut menyumbang kepada pembentukan sahsiah, emosi dan spiritual pelajar tahfiz.

2. Skop dan Metodologi Kajian

Tarannum memberi nilai tambah pada hafazan, namun pelajar tahfiz berdepan dengan pelbagai cabaran semasa. Kajian kes di Universiti Islam Selangor mendapati ramai pelajar gagal menamatkan sukatan hafazan lima juzuk setiap semester kerana faktor dalaman seperti malas mengulang, cepat lupa, kurang motivasi, serta kelemahan disiplin diri (Sharifah Noorhidayah et al., 2024). Faktor luaran pula termasuk pengaruh rakan, tugas akademik tambahan, kekangan masa, serta gangguan gajet dan media sosial. Fenomena lupa hafazan juga dikenal pasti sebagai masalah besar yang menimpa hampir keseluruhan hafiz al-Quran, di mana proses mengekalkan hafalan lebih sukar berbanding permulaan menghafaz (Nik Abdullah & Ab Rahim, 2021). Selain itu, kelemahan pengurusan masa dan kurangnya sokongan pedagogi guru turut menjejaskan pencapaian pelajar tahfiz. Kajian mengenai KKQ di sekolah menengah mendapati sebahagian guru tidak mahir dalam tarannum dan pedagogi, menyebabkan murid kurang berminat dan pencapaian mereka sederhana (Zulkifli Abd Mubi et al., 2023). Kesemua cabaran ini memberi kesan langsung terhadap keberkesanan hafazan, di mana pelajar mungkin mampu menghafaz tetapi gagal mengekalkan hafalan dalam jangka masa panjang.

Walaupun banyak kajian menekankan kepentingan tarannum dan cabaran hafazan, masih wujud jurang yang ketara dalam penyelidikan berkaitan faktor dalaman dan luaran. Menurut Azalia dan Jenuri (2025), motivasi dalaman seperti rasa cinta peribadi terhadap Al-Quran serta sokongan sosial adalah elemen penting yang mendorong individu untuk menghafal Al-Quran. Kajian tersebut turut menekankan bahawa walaupun cabaran dalam tarannum dan hafazan diakui wujud, fokus utama harus diberikan kepada faktor psikologi

yang mempengaruhi proses hafazan. Faktor dalaman utama termasuk motivasi intrinsik, keberkesanan diri, dan minat terhadap Al-Quran, manakala faktor luaran merangkumi sokongan sosial dan pengaruh alam sekitar.

Penyelidikan ini mengenal pasti motivasi sebagai pemacu utama, menekankan perlunya penerokaan lebih lanjut mengenai faktor-faktor dalaman dan luaran ini untuk memahami sepenuhnya kesannya terhadap proses hafalan. (Azalia dan Jenuri, 2025) Keberkesanan diri, atau kepercayaan terhadap kemampuan seseorang untuk berjaya, juga mempengaruhi proses hafalan dengan ketara. Begitu juga faktor luaran seperti sokongan keluarga, suasana persekitaran, kualiti guru, dan penggunaan teknologi pendidikan masih kurang diberi perhatian secara sistematik (Sharifah Noorhidayah et al., 2024). Kebanyakan kajian terdahulu lebih menekankan aspek teknik hafazan atau keberkesanan tarannum sebagai seni bacaan, tanpa meneliti bagaimana interaksi faktor dalaman dan luaran membentuk pengalaman hafazan pelajar secara menyeluruh. Oleh itu, kajian lanjutan yang meneliti dimensi psikologi, sosial, dan pedagogi dalam konteks tarannum amat diperlukan bagi menghasilkan pemahaman yang lebih komprehensif. Penyelidikan mendalam ini bukan sahaja menutup jurang kajian, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan kurikulum tahfiz yang lebih holistik, bersepadu, dan relevan dengan cabaran semasa (Muhammad Zulazizi et al., 2021).

Kajian ini menghubungkan tarannum dengan keberkesanan hafazan secara langsung, selari dengan dapatan kajian dan kerangka teori kognitif yang digunakan dengan merungkai persoalan bagaimana tarannum berfungsi sebagai sokongan memori, pemantapan emosi dan penghayatan rohani dalam mengekalkan hafazan al-Quran.

Untuk mencapai objektif kajian, reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen sebagai kaedah utama pengumpulan data. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia berupaya meneroka pengalaman responden secara mendalam serta memahami makna yang dibina oleh peserta kajian dalam konteks sebenar. Penyelidikan kualitatif memberi tumpuan kepada fenomena sosial melalui pemahaman pengalaman, pandangan dan interpretasi peserta, yang sukar diukur secara kuantitatif (Creswell & Poth, 2018; Merriam & Tisdell, 2016).

Temu bual separa berstruktur memberikan ruang fleksibiliti kepada responden untuk menyatakan pandangan, pengalaman dan interpretasi mereka secara terbuka, di samping membolehkan penyelidik mengekalkan fokus terhadap objektif dan tema kajian melalui penggunaan panduan soalan yang telah dirangka secara sistematik (Kallio et al., 2016). Pendekatan ini membolehkan keseimbangan antara kebebasan naratif responden dan ketelitian metodologi, sekali gus meningkatkan kedalaman data kualitatif yang diperoleh (DeJonckheere & Vaughn, 2019; Saunders et al., 2019).

Temu bual tersebut direkodkan menggunakan peranti audio dan kemudiannya ditranskripsikan secara verbatim untuk tujuan analisis. Analisis dokumen pula dijalankan ke atas bahan sokongan seperti jadual hafazan, laporan pencapaian dan modul tarannum yang digunakan di institusi tahfiz, di mana dokumen dipelajari sebagai sumber data yang dirakam tanpa campur tangan penyelidik.

Responden kajian terdiri daripada lima orang pelajar tahfiz yang dipilih menggunakan persampelan bertujuan (purposive sampling). Pada peringkat awal, temu bual dijalankan ke atas tiga (3) orang responden. Berdasarkan cadangan penilai, dua orang responden tambahan telah ditemu bual bagi mengukuhkan ketepuan data. Analisis mendapati bahawa penambahan responden tidak menghasilkan tema baharu, sebaliknya mengukuhkan tema sedia ada, sekali gus menunjukkan bahawa ketepuan data telah dicapai. Kriteria pemilihan termasuk: (i) sedang mengikuti program tahfiz sepenuh masa, (ii) telah menghafaz sekurang-kurangnya 15 juzuk al-Quran dan (iii) mempunyai pengalaman asas dalam bacaan bertarannum. Teknik persampelan ini bertujuan memastikan data yang

dikumpulkan relevan dengan objektif kajian dan memberi peluang kepada penyelidik untuk memilih peserta yang paling sesuai untuk fenomena yang dikaji (*Creswell & Poth, 2018*). Instrumen kajian terdiri daripada sepuluh soalan utama temu bual yang dirangka berdasarkan sorotan literatur terdahulu dan disemak oleh pakar untuk memastikan kesahan kandungan. Soalan ini direka untuk meneliti faktor dalaman seperti motivasi, disiplin sendiri, strategi hafazan dan kestabilan emosi, serta faktor luaran termasuk sokongan keluarga, persekitaran pembelajaran, kualiti pengajaran guru dan pengaruh teknologi.

Kaedah analisis data yang digunakan adalah analisis tematik, satu pendekatan kualitatif yang menekankan pengenalpastian corak makna atau tema dalam data yang dikumpulkan. Proses analisis dijalankan melalui tiga peringkat utama, iaitu pengekodan terbuka (*open coding*) untuk menangkap konsep awal, pengekodan paksi (*axial coding*) untuk menghubungkan kategori dan subkategori, serta pengekodan terpilih (*selective coding*) untuk memfokuskan tema utama yang berkaitan dengan persoalan kajian Teknik ini membolehkan penyelidik mengenal pasti pola, persamaan dan perbezaan dalam pengalaman pelajar tahfiz secara sistematik serta menyediakan interpretasi yang menyeluruh terhadap data.

3. Sorotan Literatur

3.1 Hafazan al-Quran dan Tarannum

Kajian berkaitan hafazan al-Quran telah berkembang dengan pesat dalam konteks pendidikan Islam, khususnya di Malaysia dan dunia Islam secara umum. Hafazan al-Quran tidak lagi dilihat sekadar sebagai proses penguasaan teks suci, bahkan turut difahami sebagai satu bentuk latihan kognitif yang melibatkan penggunaan memori jangka panjang, pengulangan sistematik, serta penerapan strategi penghafalan yang berkesan. Dalam konteks ini, kajian oleh Wan Hilmi dan Mahyudin (2018) menekankan ketokohan Sheikh Mustafa Ismail yang memperkenalkan bacaan bertarannum sebagai medium penghayatan rohani dan kaedah sokongan kepada hafazan yang lebih efektif. Seni tarannum, melalui alunan melodi yang tersusun, bukan sahaja memperindahkan bacaan al-Quran, malah membantu pelajar mengingat ayat-ayat al-Quran dengan lebih baik melalui rangsangan memori auditori dan emosi (Khalid Isa, 2019).

Selari dengan itu, kajian di Malaysia menunjukkan bahawa pelajar tahfiz yang mengaplikasikan tarannum dalam proses hafazan lebih cenderung untuk mengekalkan hafazan berbanding pelajar yang hanya bergantung kepada kaedah pengulangan konvensional (Zulkifli Abd Mubi et al., 2023). Selain berfungsi sebagai strategi penghafalan, tarannum turut bertindak sebagai sumber motivasi intrinsik, memandangkan keindahan bacaan mampu menimbulkan ketenangan jiwa serta meningkatkan minat pelajar terhadap aktiviti hafazan. Walau bagaimanapun, pelbagai cabaran masih wujud dalam pelaksanaan hafazan al-Quran. Kajian oleh Sharifah Noorhidayah et al. (2024) mendapati bahawa sebahagian pelajar tahfiz gagal menamatkan sukatan hafazan yang ditetapkan akibat faktor dalaman seperti kelemahan disiplin diri, kecenderungan untuk cepat lupa, serta tahap motivasi yang rendah.

Selain itu, fenomena lupa hafazan merupakan isu besar yang dihadapi oleh hampir keseluruhan golongan huffaz al-Quran. Satu kajian yang dijalankan dalam kalangan pelajar di Malaysia mendapati bahawa lebih daripada 70% individu yang telah menghafal al-Quran berhadapan dengan kesukaran untuk mengekalkan hafazan mereka. Dapatan ini menonjolkan keperluan kepada motivasi yang berterusan serta penerapan strategi pendidikan yang lebih berkesan dalam proses pemeliharaan hafazan (Hussin et al., 2023). Dalam konteks ini, Hussin et al. (2023) turut menegaskan bahawa kaedah tarannum, iaitu bacaan al-Quran secara merdu dan berlagu, berupaya meningkatkan keupayaan hafazan

dengan melibatkan aspek pendengaran dan emosi dalam pembelajaran. Kaedah ini berakar daripada tradisi Rasulullah SAW dan para sahabat, yang menekankan kepentingan sebutan serta melodi bacaan yang betul dalam proses penghafazan al-Quran (Jamaluddin et al., 2017)

Penggunaan tarannum didapati mampu meningkatkan semangat dan motivasi dalam kalangan penghafaz al-Quran, sekali gus menjadikan proses hafazan lebih menyeronokkan dan kurang bersifat monoton. Pendekatan ini bukan sahaja bermanfaat semasa fasa hafalan awal, malah turut berperanan penting dalam mengekalkan hafazan untuk jangka masa panjang (Jamaluddin et al., 2017). Walau bagaimanapun, masih terdapat kekurangan kajian yang meneliti secara mendalam hubungan antara penggunaan tarannum dan daya ingatan pelajar tahfiz dari perspektif psikologi kognitif. Dalam konteks ini, hafazan al-Quran tidak hanya dilihat sebagai proses penguasaan teks suci semata-mata, tetapi juga sebagai satu bentuk latihan kognitif yang melibatkan memori jangka panjang, pengulangan sistematik, serta strategi penghafalan yang berkesan. Yusof (2020) menegaskan bahawa proses hafazan memerlukan pendekatan kognitif yang tersusun, termasuk pengurusan beban memori dan pengamalan disiplin diri yang konsisten. Seiring dengan itu, tarannum sebagai seni bacaan al-Quran yang memperindahkan lafaz melalui melodi tertentu boleh disepadukan dengan teknik hafalan tradisional seperti takrār (pengulangan) dan murāja‘ah (tinjauan), yang lazim digunakan untuk mengukuhkan hafazan. Integrasi kaedah ini mampu menawarkan satu pendekatan pembelajaran al-Quran yang lebih komprehensif. Hal ini disokong oleh kajian Aisyah et al. (2025) yang mendapati bahawa penggunaan tarannum membantu pelajar mengekalkan hafazan kerana unsur melodi berfungsi sebagai rangsangan tambahan kepada memori auditori.

Kajian seterusnya oleh Othman dan Mohd Noor (2022) menekankan kepentingan faktor psikologi dalam proses hafazan al-Quran, khususnya aspek motivasi dan kestabilan emosi pelajar, yang didapati memainkan peranan signifikan dalam mengekalkan hafazan. Selanjutnya, Rahman (2023) menyatakan bahawa integrasi tarannum dalam kurikulum tahfiz bukan sahaja berupaya meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran al-Quran, malah menjadikan proses hafazan lebih bermakna, sistematik, dan berkesan.

3.2 Teori Kognitif dalam Hafazan

Hafazan al-Quran dapat dijelaskan melalui Teori Beban Kognitif (Cognitive Load Theory) yang menekankan kepentingan pengurusan memori kerja dalam proses pembelajaran. Teori ini menjelaskan bahawa fenomena lupa hafazan sering berlaku apabila pelajar berhadapan dengan beban kognitif yang tinggi, khususnya ketika menghafaz teks yang panjang tanpa penggunaan strategi sokongan yang berkesan. Dalam konteks ini, tarannum berfungsi sebagai satu mekanisme pengurangan beban kognitif dengan menyediakan pola melodi yang tersusun, sekali gus membantu proses *encoding* maklumat ke dalam memori jangka panjang.

Selain itu, Teori Pemprosesan Maklumat (Information Processing Theory) turut relevan dalam menjelaskan proses hafazan al-Quran. Hafazan melibatkan beberapa peringkat utama, iaitu input (melalui pendengaran atau bacaan), pemprosesan (melalui pengulangan dan pemahaman), serta output (melalui bacaan semula). Penggunaan tarannum didapati dapat memperkukuh tahap pemprosesan maklumat kerana elemen melodi dan estetika yang terkandung di dalamnya menambah dimensi emosi dalam pembelajaran, sekali gus meningkatkan motivasi dan daya tumpuan pelajar. Dari sudut neuropsikologi, kajian menunjukkan bahawa muzik dan melodi berupaya merangsang hippocampus, iaitu bahagian otak yang memainkan peranan penting dalam pembentukan dan pengekalan memori jangka panjang.

3.3 Faktor Psikologi dan Persekitaran dalam Pendidikan Islam

Faktor psikologi memainkan peranan yang signifikan dalam menentukan keberkesanan hafazan al-Quran. Aspek seperti motivasi intrinsik, minat terhadap pembelajaran, serta kestabilan emosi pelajar dikenal pasti sebagai antara penentu utama kejayaan hafazan. Kajian oleh Sharifah Noorhidayah et al. (2024) menunjukkan bahawa pelajar yang menerima sokongan emosi yang baik daripada keluarga cenderung untuk lebih berdisiplin dan konsisten dalam mengekalkan hafazan al-Quran.

Selain faktor psikologi, persekitaran pembelajaran turut memberi kesan besar terhadap pencapaian pelajar tahfiz. Elemen seperti suasana madrasah, kualiti dan kompetensi guru, serta sokongan rakan sebaya memainkan peranan penting dalam membentuk pengalaman pembelajaran yang berkesan. Walau bagaimanapun, sistem pendidikan tahfiz masih berhadapan dengan cabaran tertentu, antaranya kekurangan tenaga pengajar yang mahir dalam seni tarannum, yang menyebabkan sebahagian pelajar tidak memperoleh bimbingan secara optimum. Persekitaran pembelajaran yang kondusif, termasuk jadual hafazan yang tersusun serta suasana spiritual yang mendalam, terbukti dapat membantu meningkatkan fokus dan pencapaian pelajar dalam hafazan al-Quran.

Faktor psikologi lain yang turut mempengaruhi hafazan ialah fenomena “lupa hafazan”, yang sering dikaitkan dengan tekanan akademik, keletihan mental, dan gangguan persekitaran moden. Sehubungan itu, strategi pedagogi yang menekankan keseimbangan antara disiplin diri, sokongan psikososial, serta pengurusan pembelajaran yang sistematik perlu diberi perhatian serius. Pengaruh teknologi moden, khususnya penggunaan telefon pintar dan media sosial yang berlebihan, turut dikenal pasti sebagai faktor yang boleh mengganggu tumpuan pelajar tahfiz, sekali gus menjejaskan keupayaan mereka untuk mengekalkan hafazan secara konsisten. Dalam konteks ini, kekurangan guru yang mahir dalam tarannum juga dilihat sebagai cabaran berterusan, memandangkan penguasaan seni bacaan tersebut memerlukan bimbingan langsung dan berterusan daripada tenaga pengajar yang berkelayakan.

3.4 Persamaan dan Perbezaan antara Tarannum dan Hafazan al-Quran

Dalam tradisi pendidikan Islam, hafazan al-Quran dan tarannum merupakan dua komponen penting yang saling berkait rapat dengan pembacaan dan penghayatan kitab suci. Walaupun kedua-duanya mempunyai tujuan serta pendekatan yang berbeza, persamaan yang wujud menjadikan kedua-duanya saling melengkapi dalam membentuk pelajar tahfiz yang seimbang dari aspek kognitif, rohani, dan estetika bacaan. Hafazan al-Quran merujuk kepada satu proses kognitif yang menekankan pengingatan teks secara tepat, berdisiplin, dan berterusan, manakala tarannum pula merupakan seni bacaan yang menekankan keindahan suara serta penggunaan melodi tertentu dalam memperindahkan bacaan al-Quran.

Dari segi persamaan, kedua-duanya berkait secara langsung dengan al-Quran dan berfungsi sebagai medium untuk mendekatkan pelajar kepada kitab suci. Hafazan memastikan penguasaan teks al-Quran secara tepat dan terpelihara, manakala tarannum memperindahkan bacaan sehingga memberi kesan rohani yang lebih mendalam kepada pembaca dan pendengar. Kedua-duanya juga menuntut tahap disiplin dan latihan yang berterusan; hafazan memerlukan pengulangan ayat demi ayat melalui amalan murāja‘ah, manakala tarannum menuntut latihan vokal serta penguasaan variasi lagu seperti Bayyātī, Hijāz, dan Nahāwand. Selain itu, kedua-duanya menyumbang kepada penghayatan rohani pelajar, apabila hafazan mengukuhkan ingatan terhadap ayat-ayat al-Quran, manakala tarannum menambah dimensi emosi dan estetika yang menjadikan bacaan lebih menyentuh hati. Dalam konteks pendidikan tahfiz, kedua-dua elemen ini lazimnya menjadi sebahagian daripada kurikulum madrasah, sekali gus melahirkan pelajar yang bukan sahaja hafiz al-Quran, tetapi juga qari yang mampu menyampaikan bacaan dengan penuh penghayatan.

Walaupun bagaimanapun, terdapat perbezaan yang jelas antara hafazan dan tarannum dari segi fokus dan cabarannya. Hafazan menekankan aspek kognitif, khususnya daya ingatan jangka panjang, ketepatan teks, serta konsistensi disiplin hafalan. Proses ini menuntut pelajar untuk mengulang bacaan secara berterusan, menjaga struktur ayat, dan memastikan hafalan kekal kukuh dalam memori. Tarannum pula lebih menekankan aspek seni dan estetika bacaan, yang memerlukan penguasaan melodi tertentu, teknik suara yang betul, serta bimbingan langsung daripada guru yang mahir dalam seni bacaan berlagu. Dari sudut cabaran, hafazan sering berhadapan dengan isu mudah lupa, beban kognitif yang tinggi, serta keperluan untuk mengekalkan konsistensi jangka panjang, manakala tarannum mencabar dari aspek penguasaan variasi lagu, kawalan suara, serta kekangan mendapatkan tenaga pengajar yang benar-benar berkemahiran.

Perbezaan ini turut tercermin pada hasil pembelajaran yang dihasilkan. Hafazan melahirkan seorang hafiz yang mampu membaca al-Quran tanpa bergantung kepada mushaf, manakala tarannum melahirkan seorang qari yang mampu menarik minat pendengar melalui bacaan berlagu yang indah dan berkesan. Nilai tambah hafazan terletak pada penekanan terhadap penguasaan teks sebagai satu amanah, manakala tarannum pula menonjolkan keindahan bacaan sebagai medium dakwah dan tarikan rohani.

Secara keseluruhannya, hafazan dan tarannum mempunyai peranan yang berbeza tetapi saling melengkapi dalam pendidikan tahfiz. Hafazan memastikan ketepatan dan pemeliharaan teks al-Quran, manakala tarannum memperkukuh penghayatan rohani serta estetika bacaan. Gabungan kedua-duanya berupaya melahirkan pelajar tahfiz yang bukan sahaja menguasai hafazan dengan baik, tetapi juga mampu menyampaikan bacaan al-Quran secara indah dan berkesan, sekali gus menjadikan pendidikan tahfiz lebih holistik dan bermakna.

3.5 Rumusan Sorotan

Walaupun terdapat banyak kajian yang menekankan kepentingan tarannum serta cabaran dalam hafazan al-Quran, sorotan literatur menunjukkan masih wujud jurang pengetahuan yang ketara. Pertama, kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada aspek teknik hafazan atau keberkesanan tarannum sebagai seni bacaan, tanpa meneliti secara mendalam bagaimana faktor dalaman seperti motivasi, emosi, dan strategi kognitif, serta faktor luaran seperti sokongan keluarga, persekitaran madrasah, dan kualiti guru saling berinteraksi dalam membentuk pengalaman hafazan pelajar tahfiz.

Kedua, kajian berkaitan tarannum lazimnya bersifat deskriptif dan menekankan keindahan bacaan, namun kurang mengaitkannya dengan teori kognitif moden seperti Teori Beban Kognitif dan Teori Pemprosesan Maklumat. Oleh itu, kajian lanjutan perlu menghubungkan tarannum dengan dimensi psikologi dan neurokognitif bagi memahami dengan lebih mendalam bagaimana elemen melodi mempengaruhi proses pengingatan dan pengekalan hafazan.

Ketiga, terdapat kekurangan kajian empirikal yang menggunakan pendekatan kualitatif secara mendalam, seperti temu bual dan analisis tematik, untuk meneroka pengalaman sebenar pelajar tahfiz dalam menguasai tarannum sebagai sebahagian daripada strategi hafazan. Sebahagian besar kajian terdahulu cenderung menggunakan pendekatan kuantitatif atau kajian kes berskala kecil, yang kurang memberikan gambaran menyeluruh tentang pengalaman pembelajaran pelajar.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan meneliti secara komprehensif faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi hafazan al-Quran melalui penggunaan tarannum, serta mengaitkannya dengan teori kognitif dan faktor psikologi. Diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada pembangunan kurikulum tahfiz yang lebih holistik, bersepadu, dan relevan dengan cabaran semasa dalam pendidikan Islam.

4. Dapatan Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur yang melibatkan pelajar tahfiz sebagai responden. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik bagi mengenal pasti faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi keberkesanan hafazan al-Quran serta penguasaan tarannum. Pendekatan analisis tematik dipilih kerana keupayaannya untuk mengenal pasti dan mentafsir pola makna secara sistematik daripada data kualitatif yang diperoleh.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa beberapa tema utama muncul secara konsisten daripada respons responden. Tema-tema tersebut dikategorikan kepada dua kelompok utama, iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman merangkumi aspek motivasi, konsistensi, dan emosi pelajar, manakala faktor luaran melibatkan elemen seperti jadual akademik, penggunaan teknologi, suasana persekitaran pembelajaran, serta sokongan sosial. Pengelompokan tema ini adalah selaras dengan penekanan teori pembelajaran sendiri dan peranan sokongan persekitaran dalam membentuk tingkah laku serta pencapaian pelajar.

Jadual 1: Analisis Tematik Temu Bual

No	Petikan Temu Bual Responden	Kod (Code)	Subtema	Tema Utama
1	“Ilmu tarannum boleh menambahkan kecintaan terhadap al-Quran.”	Motivasi intrinsik	Kecintaan terhadap al-Quran	Faktor Dalaman
2	“Kalau hati tenang, hafaz pun lebih mudah masuk.”	Emosi positif	Ketenangan emosi	Faktor Dalaman
3	“Kalau ada tekanan atau penat, saya lambat ingat dan cepat lupa.”	Emosi negatif	Tekanan mental	Faktor Dalaman
4	“Saya tidak ada basic berkaitan lagu/maqam.”	Kekurangan asas tarannum	Pengetahuan teknikal terhadap	Faktor Dalaman
5	“Cabaran terbesar ialah kawalan nafas dan nada tarannum.”	Masalah teknik vokal	Kawalan nafas & suara	Faktor Dalaman
6	“Saya ingat ganjaran orang hafiz dan doa mak ayah.”	Dorongan spiritual	Motivasi rohani	Faktor Dalaman
7	“Dorongan daripada keluarga atau rakan-rakan membantu kurangkan malas.”	Sokongan sosial	Sokongan orang sekeliling	Faktor Luaran
8	“Jadual kelas yang padat mengurangkan masa hafazan.”	Kekangan masa	Beban jadual pembelajaran	Faktor Luaran
9	“Teknologi membantu melalui rakaman suara untuk murajaah.”	Penggunaan teknologi	Sokongan alat digital	Faktor Luaran
10	“Suasana bising buat hafazan jadi lambat.”	Gangguan persekitaran	Suasana tidak kondusif	Faktor Luaran
11	“Guru banyak ajar lagu dan betulkan suara.”	Bimbingan guru	Sokongan akademik	Faktor Luaran
12	“Kawan-kawan dengar dan tegur kesilapan.”	Sokongan rakan sebaya	Pembelajaran kolaboratif	Faktor Luaran
13	“Saya cadang lebih banyak sesi talaqqi.”	Cadangan penambahbaikan	Keperluan sesi bimbingan	Faktor Luaran

14	“Dengan bertarannum saya dapat menghayati isi al-Quran.”	Motivasi rohani	Penghayatan al-Quran	Faktor Dalam
15	“Perlu ulang sekurang-kurangnya sejuzuk sehari.”	Konsistensi	Disiplin hafazan	Faktor Dalam
16	“Kalau emosi stabil, senang hafal.”	Emosi positif	Kestabilan emosi	Faktor Dalam
17	“Cabaran ialah menjaga suara dan nafas.”	Teknik vokal	Kawalan pernafasan	Faktor Dalam
18	“Teknologi amat membantu... aplikasi Tarteel.”	Teknologi	Semakan sendiri	Faktor Luar
19	“Saya lebih suka suasana hafazan berjemaah.”	Suasana sosial	Persekitaran kolaboratif	Faktor Luar
20	“Guru dan rakan beri rakaman tarannum.”	Sokongan sosial	Bimbingan berstruktur	Faktor Luar
21	“Perlu kelas tambahan dan kem hafazan.”	Cadangan	Penambahbaikan sistem	Faktor Luar

Jadual menunjukkan analisis tematik yang memetakan petikan temubual kepada tema faktor dalaman dan faktor luaran.

4.1 Faktor Dalaman

i) Motivasi

Motivasi dikenal pasti sebagai faktor dalaman paling dominan yang mempengaruhi keberkesanan hafazan. Responden menegaskan bahawa dorongan rohani seperti keinginan untuk mendekatkan diri kepada Allah serta memperoleh ganjaran pahala menjadi penggerak utama untuk terus berusaha. Seorang responden menyatakan:

“Saya bersemangat sebab saya nak dekat dengan Allah, dan saya nak bagi hadiah pahala untuk mak ayah...” (Responden 2)

Dapatan ini selari dengan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa motivasi intrinsik dan spiritual merupakan faktor utama dalam kejayaan hafazan al-Quran. Motivasi rohani turut mendorong pelajar untuk meningkatkan kualiti bacaan melalui penguasaan tarannum.

ii) Konsistensi

Konsistensi atau istiqamah dalam hafazan turut muncul sebagai tema penting. Responden menekankan bahawa hafazan hanya berkesan apabila dilakukan secara berterusan. Seorang responden menyatakan:

“Jika hafazan al-Quran adalah istiqamah atau perbuatan kita setiap hari maka kita akan buat setiap hari.” (Responden 1)

Dapatan ini menyokong pandangan kajian lepas bahawa latihan berulang dan rutin pembelajaran yang konsisten meningkatkan daya ingatan jangka panjang. Dalam konteks tahfiz, konsistensi bukan sahaja memperkukuh hafalan, malah membentuk disiplin sendiri pelajar.

iii) Emosi

Emosi dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi tahap fokus dan keupayaan menghafaz. Responden menjelaskan bahawa ketenangan emosi memudahkan hafazan, manakala tekanan dan keletihan menjejaskan daya tumpuan. Seorang responden menyatakan:

“Apabila emosi kita tenang, gembira fikiran kita akan jernih, menjadikannya lebih mudah untuk menghafal.” (Responden 1)

Dapatan ini selari dengan kajian psikologi pembelajaran yang menegaskan hubungan antara kestabilan emosi dan keupayaan kognitif. Dalam konteks tarannum, kestabilan emosi turut mempengaruhi kualiti suara dan penghayatan bacaan.

4.2 Faktor Luaran**i) Jadual Akademik**

Jadual akademik yang padat dikenal pasti sebagai cabaran utama dalam proses hafazan. Responden menyatakan:

“Kalau jadual kelas atau aktiviti harian kita banyak, masa hafazan akan sikit.” (Responden 1)

Dapatan ini menyokong kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa beban akademik yang tinggi boleh menjejaskan keberkesanan pembelajaran sendiri. Pengurusan masa yang sistematik merupakan faktor penting dalam menjamin konsistensi hafazan.

ii) Teknologi

Teknologi didapati mempunyai kesan positif dan negatif. Seorang responden menyatakan:

“Ya, sangat membantu. Dapat dengar rakaman murajaah saya sendiri dan senang *nok* [nak] mempelajari tarannum duduk mana [di mana-mana] pun tetap boleh belajar.” (Responden 2)

Hal ini selari dengan dapatan kajian terdahulu yang menunjukkan bahawa teknologi digital dapat meningkatkan kualiti pembelajaran melalui akses sendiri dan pembelajaran fleksibel. Namun, teknologi juga boleh menjadi gangguan sekiranya tidak dikawal, sebagaimana dibincangkan dalam kajian berkaitan ketagihan gajet dalam kalangan pelajar.

iii) Suasana Persekitaran

Suasana persekitaran dikenal pasti sebagai faktor penting dalam keberkesanan hafazan. Seorang responden menyatakan:

“Kalau suasana senyap dan semua fokus, saya pun lebih mudah tumpu dan lagi semangat. Tapi kalau bising, hafazan jadi lambat [dan] susah *nok* [nak] fokus.” (Responden 2)

Dapatan ini selari dengan kajian lepas yang menunjukkan bahawa persekitaran pembelajaran yang kondusif meningkatkan fokus dan prestasi pelajar. Dalam konteks tarannum, persekitaran yang tenang turut membantu latihan vokal dan penghayatan bacaan.

iv) Sokongan Sosial

Sokongan sosial dikenal pasti sebagai faktor luaran yang signifikan. Responden menyatakan:

“Guru banyak ajar lagu dan betulkan suara. Kawan-kawan selalu dengar dan tegur kesilapan. Mak ayah pula selalu bagi semangat.” (Responden 2)

Dapatan ini menyokong teori Sokongan Sosial dalam pembelajaran yang menegaskan kepentingan peranan guru, rakan dan keluarga dalam meningkatkan motivasi dan prestasi pelajar. Sokongan ini turut membantu pelajar meningkatkan penguasaan tarannum secara berstruktur.

4.3 Perbincangan

i) Hubungan Dapatan dengan Kajian Terdahulu

Kajian ini mendapati bahawa faktor dalaman seperti motivasi, konsistensi (istiqamah), dan kestabilan emosi memainkan peranan yang signifikan dalam keberkesanan hafazan al-Quran serta penguasaan tarannum. Pelajar yang memiliki motivasi rohani yang tinggi, amalan hafazan yang berterusan, dan emosi yang tenang didapati lebih berjaya mengekalkan hafazan serta mengaplikasikan tarannum dengan lebih berkesan. Dapatan ini selari dengan teori *self-regulated learning*, *deliberate practice*, dan *achievement emotions*, yang menekankan kepentingan kawalan sendiri, latihan berstruktur, serta pengurusan emosi positif dalam pencapaian pembelajaran.

Selain faktor dalaman, kajian ini turut mengenal pasti bahawa faktor luaran seperti pengurusan jadual akademik, penggunaan teknologi, suasana persekitaran pembelajaran, dan sokongan sosial memberi kesan yang ketara terhadap keberkesanan hafazan dan penguasaan tarannum. Dapatan ini sejajar dengan kajian terdahulu yang menegaskan bahawa sokongan persekitaran yang kondusif memainkan peranan penting dalam menyokong pembelajaran berasaskan hafazan.

Penambahan dua responden baharu dalam kajian ini telah mengukuhkan dapatan sedia ada tanpa mengubah struktur tema utama yang telah dikenal pasti. Faktor dalaman seperti motivasi rohani, kestabilan emosi, dan amalan hafazan yang berterusan terus muncul sebagai elemen teras dalam kejayaan hafazan. Responden baharu turut menyatakan bahawa penghayatan makna al-Quran melalui penggunaan tarannum meningkatkan kesungguhan, fokus, dan daya tahan dalam mengekalkan hafazan.

Dari sudut faktor luaran pula, sokongan sosial, penggunaan teknologi pendidikan, dan suasana pembelajaran yang kondusif terus dikenal pasti sebagai penyumbang utama kepada keberkesanan hafazan. Penggunaan aplikasi hafazan sebagai alat semakan sendiri, serta keperluan kepada suasana hafazan secara berjemaah, muncul sebagai dapatan tambahan yang mengukuhkan hasil kajian terdahulu. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa penguasaan tarannum yang berkesan terbentuk melalui interaksi yang seimbang antara kekuatan dalaman pelajar dan sokongan persekitaran pembelajaran yang menyokong.

ii) Implikasi Pendidikan Tahfiz Moden

Pendidikan tahfiz perlu dilaksanakan secara lebih holistik, iaitu tidak hanya menumpukan kepada pencapaian hafazan semata-mata, tetapi turut mengintegrasikan tarannum sebagai elemen sokongan kepada pemantapan memori dan penghayatan al-Quran. Penggunaan tarannum secara terancang bukan sahaja membantu pelajar mengekalkan hafazan, malah meningkatkan kefahaman, fokus, serta hubungan emosi pelajar dengan ayat-ayat al-Quran.

Guru juga berperanan sebagai pembimbing akademik dan motivasi pelajar. Penyusunan jadual pembelajaran yang lebih fleksibel dan realistik perlu diberi perhatian agar aktiviti murāja'ah dapat dilaksanakan secara konsisten tanpa membebankan pelajar. Pendekatan ini diyakini dapat menyokong keseimbangan antara tuntutan akademik, kesejahteraan emosi, dan keberkesanan hafazan dalam pendidikan tahfiz moden.

iii) Peranan Teknologi dan Sokongan Psikologi

Teknologi memainkan peranan penting dalam menyokong proses hafazan dan penguasaan tarannum. Aplikasi hafazan dan rakaman suara dapat membantu pelajar dalam murāja'ah, terutamanya dari aspek semakan sendiri (*self-monitoring*) terhadap alunan lagu, tajwid, dan ketepatan bacaan. Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi perlu dikawal dan diurus secara bijak agar tidak menjadi gangguan kepada fokus pembelajaran dan disiplin hafazan.

Selain itu, sokongan psikologi dan sosial daripada guru, rakan sebaya, dan keluarga terbukti meningkatkan motivasi, ketekunan, dan kestabilan emosi pelajar. Bimbingan berterusan serta suasana yang menyokong secara sosial dan emosi membantu pelajar menghadapi cabaran hafazan dan memperkukuh penguasaan tarannum. Gabungan penggunaan teknologi yang terancang dan sokongan psikososial yang konsisten membentuk persekitaran pembelajaran yang kondusif, yang menyokong keberkesanan pendidikan tahfiz moden.

iv) Cadangan Modul & Strategi

- I. **Modul tarannum berstruktur:** latihan secara bertahap dan sistematik, talaqqi bersama guru, penggunaan audio rujukan.
- II. **Pengurusan masa:** jadual murajaah harian (contoh sebelum subuh/selepas Maghrib), aplikasi peringatan.
- III. **Sokongan sosial:** mentor pelajar senior, sesi motivasi bersama ibu bapa, suasana madrasah kondusif.

4.4 Rumusan Analisis dan Perbincangan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor dalaman dan faktor luaran mempunyai hubungan yang signifikan terhadap keberkesanan hafazan al-Quran serta penguasaan tarannum. Faktor dalaman, termasuk motivasi, konsistensi (istiqamah), dan kestabilan emosi, membentuk asas kekuatan sendiri pelajar dan sejajar dengan teori pembelajaran sendiri (*self-regulated learning*). Sementara itu, faktor luaran menyediakan sokongan persekitaran yang kondusif, termasuk jadual pembelajaran yang tersusun, suasana akademik dan spiritual yang menyokong, serta sokongan sosial daripada guru, rakan, dan keluarga, yang kesemuanya menyokong proses penguasaan hafazan dan tarannum.

Gabungan kedua-dua faktor ini menjadikan hafazan lebih mantap dan penguasaan tarannum lebih berkesan. Pelajar yang memiliki motivasi rohani yang tinggi, istiqamah dalam amalan hafazan, serta kestabilan emosi menunjukkan tahap pencapaian yang lebih baik, terutamanya apabila disokong oleh persekitaran pembelajaran yang kondusif dan sokongan sosial yang kukuh. Kesemua elemen ini menekankan kepentingan pendekatan

holistik dalam pendidikan tahfiz, di mana faktor psikologi dalaman dan sokongan luaran digabungkan untuk meningkatkan keberkesanan hafazan dan penghayatan tarannum.

5. Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa keberkesanan hafazan al-Quran dan penguasaan tarannum dipengaruhi oleh interaksi kompleks antara faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman, iaitu motivasi rohani, konsistensi (istiqamah), dan kestabilan emosi, membentuk asas kekuatan sendiri pelajar dalam mengekalkan hafazan. Faktor luaran pula, termasuk sokongan guru, rakan sebaya, keluarga, serta penggunaan teknologi pendidikan secara bijak, berperanan meningkatkan keberkesanan hafazan dan penguasaan tarannum.

Secara keseluruhan, pelajar yang seimbang dari segi motivasi, disiplin diri, dan kestabilan emosi, serta mendapat sokongan persekitaran yang kondusif, menunjukkan tahap pencapaian hafazan dan penguasaan tarannum yang lebih tinggi. Dapatan kajian ini menegaskan kepentingan pendekatan pendidikan tahfiz yang holistik dan bersepadu, yang bukan sahaja menekankan penghafalan teks tetapi juga memperkukuh penghayatan rohani dan estetika bacaan al-Quran.

5.1 Sumbangan Kajian kepada Bidang Pendidikan Islam

Kajian ini menyumbang kepada bidang pendidikan Islam dengan:

- I. Menyediakan bukti empirikal bahawa tarannum bukan sekadar seni bacaan, tetapi juga berfungsi sebagai mekanisme sokongan memori dan penghayatan rohani dalam proses hafazan al-Quran.
- II. Menekankan kepentingan faktor psikologi dan sosial dalam pendidikan tahfiz moden.
- III. Memberi asas kepada pembangunan kurikulum tahfiz yang lebih holistik yang mengintegrasikan penguasaan hafazan, tarannum, sokongan emosi, dan penggunaan teknologi pendidikan secara bijak bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran.

5.2 Cadangan Kajian Lanjutan

Untuk memperkukuh dapatan ini, beberapa cadangan kajian lanjutan boleh dikemukakan:

- I. **Kajian kuantitatif:** Menilai hubungan antara faktor dalaman seperti motivasi dan emosi dengan keberkesanan hafazan melalui penggunaan soal selidik berskala besar, bagi mendapatkan data yang lebih representatif dan membolehkan analisis statistik yang mendalam.
- II. **Kajian intervensi:** Membangunkan modul latihan tarannum yang berstruktur atau strategi pengurusan masa, dan seterusnya menilai keberkesanannya terhadap prestasi hafazan dan penguasaan tarannum pelajar. Pendekatan ini dapat memberikan bukti empirikal tentang kaedah pembelajaran yang paling efektif dalam pendidikan tahfiz moden.
- III. **Kajian longitudinal:** Meneliti kesan jangka panjang faktor dalaman dan luaran terhadap pencapaian hafazan dan penguasaan tarannum pelajar tahfiz. Kajian jenis ini membolehkan pemahaman yang lebih mendalam tentang perkembangan hafazan dan keberkesanan tarannum sepanjang tempoh pengajian pelajar.

Rujukan

- Abd Mubi, Z., Hussin, H., & Mohamad, S. (2023). Pascanilai Pelaksanaan Kelas Khas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran (KKG): Cabaran Dan Strategi. *Al-Turath Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 8(2), 12-24.
- Abdullah, N. M. S. A. N., Ab Rahim, F. N. B., & Isa, R. A. A. B. M. (2021). Exploring the challenges of sustaining Qur'anic memorization: A case study. *Journal of Islamic Educational Research*, 6(1), 1-17.
- Abdullah, W. H. W., & Daud, M. (2018). Ketokohan Sheikh Mustafa Ismail dan Sumbangannya dalam Dunia Tilawah Al-Quran Secara Bertarannum: Kajian terhadap Uslub Al-Qiraah. *Albasirah Journal*, 8(2), 89-97.
- Aisyah, A., Rinah, R., & Syukri, S. (2025). Analisis Metode Pengulangan di Masa Rasulullah SAW Pada Hafalan Alquran Para Sahabat. *Baitul Hikmah*, 3(1), 19-26. https://doi.org/10.46781/baitul_hikmah.v3i1.1578
- Azalia, E. A., & Jenuri, J. (2025). Analysis of Psychological Factors in the Process of Memorizing the Quran. *Bestari: Jurnal Studi Pendidikan Islam*, 22(1), 44. <https://doi.org/10.36667/bestari.v22i1.1836>
- Aziz, S. N. S., Baharudin, L., & Suhaimi, M. S. (2024). Cabaran Pelajar Tahfiz dalam menamatkan hafazan 30 juzuk: Kajian Kes di Universiti Islam Selangor: The Challenge of Tahfiz Students in completing the memorization of 30 constituents: A Case Study at Selangor Islamic University. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan isu-isu kontemporari*, 7(2), 27-40.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- DeJonckheere, M., & Vaughn, L. M. (2019). Semistructured interviewing in primary care research: A balance of relationship and rigour. *Family Medicine and Community Health*, 7(2), e000057. <https://doi.org/10.1136/fmch-2019-000057>
- Hassan, N., & Ahmad, S. (2024). Challenges in Teaching Tarannum among Tahfiz Institutions. *International Journal of Quranic Studies*, 9(1), 77-92.
- Hussin, H., Ahmad, A. R., Saleh, M. H., Yahaya, M., Zakaria, R., & Mohd Haridi, N. H. (2023). Motivasi ekstrinsik: analisis terhadap cabaran mengekalkan hafazan al-quran dalam kalangan pelajar sarjana muda pengajian qiraat usim. *Jurnal Qiraat*, 6(2), 73-83. <https://doi.org/10.53840/qiraat.v6i2.72>
- Isa, K. (2019). *Metodologi Tarannum Al-Quran Menurut Bacaan Mustafa Isma'il (M. 1978) dan Pengaruhnya di Malaysia* (Doctoral dissertation, University of Malaya (Malaysia)).
- Jamaluddin, I. Z., Othman, M. K., & Mohd Yusoff, M. Z. (2017). The Art Of Memorizing Qur'an: Applications Of Lahjat Al-Huruf And Lahjat Al-Tarannum. *The International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(8), 495-504. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/V7-I8/3256>
- Kallio, H., Pietilä, A.-M., Johnson, M., & Kangasniemi, M. (2016). Systematic methodological review: Developing a framework for a qualitative semi-structured interview guide. *Journal of Advanced Nursing*, 72(12), 2954-2965. <https://doi.org/10.1111/jan.13031>
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation* (4th ed.). Jossey-Bass.
- Muslim, F. R., Tumiran, M. A., & Abidin, M. Z. H. Z. (2024). Techniques for Memorizing the Quran: A Comparative Study of the Memory System Tendencies of Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Students. *UMRAN-Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 11(2), 37-47.
- Nawi, M. Z. M., Omar, M. R., & Nor, M. A. M. (2021). Sistem Pendidikan Tahfiz di Malaysia, Pilihan Ibu Bapa dan Warisan Pendidikan Islam Andalus: Satu Sorotan: Tahfeez Education System in Malaysia, Parental Choice and Andalus Islamic Education Heritage: A Review. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 132-147.
- Othman, H., & Mohd Noor, A. (2022). Psychological Factors in Quran Memorization: Motivation and Emotional Stability. *Malaysian Journal of Islamic Psychology*, 5(1), 15-29.
- Rahman, A. (2023). Integration of Hafazan and Tarannum in Tahfiz Curriculum: A Case Study. *Journal of Islamic Pedagogy*, 10(3), 101-118.
- Salleh, M. (2025). Tarannum as a Medium of Da'wah and Spiritual Engagement. *Journal of Quranic Arts*, 3(1), 55-70.
- Saunders, M. N. K., Lewis, P., & Thornhill, A. (2019). *Research methods for business students* (8th ed.). Pearson..
- Yusof, R. (2020). Memory Retention and Forgetting Phenomenon among Hafiz Students. *Journal of Islamic Cognitive Studies*, 3(2), 89-104.